

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN  
HASSAN [ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji kenaikan  
kadar yang menasabah bagi gaji anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM)  
dan juga kemudahan pejabat di Balai-balai Polis.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mengambil berat mengenai kebajikan penjawat awam termasuk anggota PDRM. Pelbagai insentif dan kemudahan telah diberi sebagai penghargaan terhadap pegawai yang telah menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Begitu juga penambahbaikan terhadap bangunan, kenderaan dan peralatan pejabat dalam PDRM sentiasa diberi perhatian agar semua pegawai dan anggota dapat bekerja dalam persekitaran yang lebih kondusif. Kerajaan dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan semakan gaji penjawat awam, termasuk anggota PDRM. Di antaranya ialah semakan saraan dan penambahbaikan gaji pada tahun 2001, 2002, 2007 dan 2012.

Yang terbaharu adalah, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah SSM, Kerajaan juga telah bersetuju untuk menambahbaik 252 skim termasuk skim PDRM perkhidmatan dengan penetapan gaji Gaji Permulaan Terendah (GPT) sebanyak RM1,200.00 sebulan dan pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua pangkat/gred.

Sekian, terima kasih.